



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 6 TAHUN 1986

PINDAAN KEPADA SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 2
TAHUN 1983 MENGENAI KELAYAKAN SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN
MALAYSIA BAGI MAKSUD PERLANTIKAN KE DALAM
PERKHIDMATAN KERAJAAN

Adalah saya diarah memaklumkan iaitu mulai dari tahun 1987, Majlis Peperiksaan Malaysia akan meminda matapelajaran Kertas Am dalam peperiksaan STPM dan namanya akan ditukarkan kepada Pengajian Am serta taraf matapelajaran ini dipertingkatkan kepada peringkat "Principal".

2. Selaras dengan perubahan itu nanti, pecahan (a), (b), (c) dan (d) sahaja pada perenggan 3 [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1983](#) adalah dimansuh dan digantikan dengan perenggan baru seperti berikut:

"3.1 Bagi Peperiksaan STPM Sehingga 1986:

- (a) Lulus sekurang-kurangnya 3 matapelajaran atas Gred E dan lulus Kertas Am dalam satu peperiksaan STPM; ATAU
- (b) Lulus 2 matapelajaran dan lulus Kertas Am dalam satu peperiksaan STPM dengan syarat kedua-dua matapelajaran yang lulus itu mestilah sekurang-kurangnya mendapat Gred C dan C atau Gred B dan D atau Gred A dan E; ATAU
- (c) Lulus sekurang-kurangnya 2 matapelajaran atas Gred E dan 2 matapelajaran atas Gred R serta lulus Kertas Am dalam Satu peperiksaan STPM; ATAU

- (d) Lulus sekurang-kurangnya 4 matapelajaran yang berlainan atas Gred E dan lulus Kertas Am dalam peperiksaan STPM yang dikumpulkan dalam 2 peperiksaan dalam tempoh 3 tahun berturut-turut.

3.2 Bagi Peperiksaan STPM Mulai 1987:

- (a) Lulus sekurang-kurangnya 3 matapelajaran atas Gred E dan lulus Pengajian Am dalam satu peperiksaan STPM; ATAU
- (b) Lulus 2 matapelajaran dan lulus Pengajian Am dalam satu peperiksaan STPM dengan syarat kedua-dua matapelajaran yang lulus itu mestilah sekurang-kurangnya mendapat Gred C dan C atau Gred B dan D atau Gred A dan E; ATAU
- (c) Lulus sekurang-kurangnya 2 matapelajaran atas Gred E dan 2 matapelajaran atas Gred R serta lulus Pengajian Am dalam satu peperiksaan STPM; ATAU
- (d) Lulus sekurang-kurangnya 4 matapelajaran yang berlainan atas Gred E dan lulus Pengajian Am dalam peperiksaan STPM yang dikumpulkan dalam 2 peperiksaan dalam tempoh 3 tahun berturut-turut."

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

DATUK ZAHARI BIN ABD. RASHID,
*Bahagian Perjawatan,
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia*

16bb. September, 1986.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.
Semua Ketua Jabatan Persekutuan.
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri.

Setiausaha,
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam,
Jalan Cenderasari,
Kuala Lumpur.

Setiausaha,
Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran,
Jalan Cenderawasih,
Kuala Lumpur,

Setiausaha,
Suruhanjaya Polis di Raja Malaysia
Jalan Dato'Onn,
Kuala Lumpur.

Urusetia,
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Persekutuan,
Cawangan Sabah,
Tingkat 1, Bangunan Natikar,
Jalan Padang,
Kota Kinabalu,
Sabah.

Urusetia,
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Persekutuan,
Cawangan Sarawak,
Tingkat 4, Bangunan Tun Dato' Patinggi Tuanku Haji Bujang,
Simpang Tiga, Kuching,
Sarawak.

Semua Pihak Pengurusan Badan-badan Berkanun.
Semua Pihak Pengurusan Kuasa-kuasa Tempatan.

s.k.

Pegawai Perjawatan Persekutuan,
Kuching,
Sarawak.

Pegawai Perjawatan Persekutuan,
Kota Kinabalu,
Sabah.

Majlis Peperiksaan Malaysia,
Tingkat 13 dan 14, Bangunan KUWASA,
Jalan Raja Laut,
50350 Kuala Lumpur.